

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN  
BILANGAN 1 TAHUN 2024

KELULUSAN DASAR BAGI PERMOHONAN PENGURANGAN CUKAI TANAH  
KEGUNAAN PERINDUSTRIAN DI BAWAH KAEDAH 16, KAEDAH-KAEDAH  
TANAH KELANTAN 1966

---

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ketiga Tahun 2024 telah bersetuju meluluskan keputusan dasar bagi pengurangan cukai tanah semasa dan denda lewat bagi tanah kategori kegunaan Perindustrian (tidak termasuk tapak pencawang elektrik dan komunikasi) untuk tempoh dua (2) tahun bermula pada Tahun 2024 dan 2025 dengan kadar 25 peratus (%).

2. Pengurangan ini tidak terpakai kepada pemilik-pemilik tanah kegunaan Perindustrian yang telah menjelaskan bayaran cukai tanah pada Tahun 2024.
3. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan pada setiap tahun yang diperuntukkan dan dikenakan bayaran memfail mengikut kadar yang ditetapkan di bawah Perkara 63 Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966.
4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan Pekeliling PTG.KN Bilangan 12 Tahun 2020 dengan ini dibatalkan kuatkuasa dan pemakaiannya.
5. Pentadbir – Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut

  
DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, (D.P.S.K. Kelantan)  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha,

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YBM. Tengku Kaya Perkasa Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN**

**BLOK 3, KOTA DARULNAIM**

**15576 KOTA BHARU, KELANTAN**

**FAIL : PTG.KN.16/4/47**

**BERTARIKH: 21 RAMADHAN 1445H**

**1 APRIL 2024**